

CNS9369

U PB 23-02 00161 BA594

BAH

NAIB PRESIDEN UMNO AKAN MENGHADAP AGONG/MAJLIS RAJA-RAJA
Mahathir - UMNO

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa rombongan Naib Presiden UMNO akan menghadap Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja minggu ini bagi menyampaikan pandangan parti berhubung penglibatan istana dalam pertadbiran kerajaan dan ekonomi.

Presiden UMNO itu berkata, langkah menghantar rombongan Naib Presiden parti ialah bagi menunjukkan bahawa pandangan itu ialah pandangan daripada anggota-anggota parti.

+Saya sudah menghadap Yang di-Pertuan Agong tetapi ada pendapat mengatakan bahawa mungkin pandangan ini terhad pada saya sahaja.

+Banyak anggota-anggota UMNO hendak supaya (rombongan UMNO yang menghadap itu) lebih representatif lagi,+ katanya kepada pemberita selepas melancarkan perkhidmatan Limousine Mara, tayang video Vision Four, majalah Imej dan imej baru bas MARA di sini.

Ketiga-tiga Naib Presiden UMNO yang akan menghadap itu ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Seri Sanusi Junid dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

-- Lagi.

♥23/02/12-50MST

U PB 23-02 00129 BA595

BAH

Mahathir - UMNO 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, rombongan itu akan mengemukakan pandangan-pandangan yang dibangkitkan pada Perhimpunan Agung parti itu akhir tahun lepas.

Majlis Raja-raja akan bersidang selama dua hari mulai Rabu ini di Istana Negara.

Ketika ditanya mengenai pilinhan raya kecil kawasan Parlimen Jerai, Perdana Menteri yakin Barisan Nasional akan dapat mengekalkan kerusi kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, kelebihan majoriti undi mungkin akan berkurangan kerana ia hanya merupakan pilihan raya kecil.

Calon Barisan Nasional, Badaruddin Amiruddin akan ditentang calon PAS, Nasir Othman pada pilihan raya kecil itu yang akan diadakan pada 4 Mac ini.

Pada pilihan raya umum 1990, calon BN, Ghazali Ahmad mengalahkan calon PAS, Subky Latif dengan kelebihan 4,602 undi. -- Bernama.

♥23/02/12-51MST